

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KKDW

MEI 2026

TARIKH/MASA:

4 MEI 2026 (ISNIN)

09:00 PAGI

TEMPAT:

DEWAN SERI LESTARI ARAS B1, KKDW PUTRAJAYA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengerusi Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Salutasi akan diberikan pada hari program.

SEGMEN 1 (PERSARAAN & UCAPAN SELAMAT DATANG KSU)

(as stated in the separate note)

MUKADIMAH

Saudara dan saudari sekalian,

1. Dunia hari ini tidak lagi memberi kita kemewahan untuk bekerja secara biasa-biasa. Ekonomi global berubah terlalu pantas. Rantaian bekalan semakin rapuh. Harga tenaga mudah terganggu. Kos logistik tidak menentu. Konflik geopolitik yang berlaku jauh dari tanah air, **akhirnya tetap sampai kesannya ke ladang, ke kebun, ke tapak projek, ke kedai kecil dan ke desa.**

2. Ya, landasan ekonomi negara semakin mengukuh. Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF telah menyemak naik unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia kepada 4.7 peratus bagi tahun ini. Prestasi ringgit juga menunjukkan pengukuhan, mencerminkan keyakinan yang semakin baik terhadap ekonomi negara.

3. Tetapi persoalannya :

   Adakah angka yang baik di peringkat nasional ini benar-benar diterjemahkan kepada kehidupan rakyat di bawah?

   Adakah pertumbuhan ini dirasai oleh pekebun kecil, usahawan desa, kontraktor luar bandar dan keluarga di ceruk kampung?

4. Sebab itu, sebagai pemandu polisi perdesaan, KKDW tidak boleh menjadi Kementerian yang hanya membina jalan kampung, memasang lampu jalan, menyediakan bekalan air atau melaksanakan

program masyarakat desa sahaja. KKDW mesti menjadi Kementerian yang memperkukuh **ketahanan nasional.**

5. Kita mesti mempertahankan kehidupan rakyat desa, menjaga pendapatan mereka, memastikan pembangunan tidak terhenti, dan memastikan peluang ekonomi benar-benar sampai ke bawah. Kerana dalam apa jua krisis, desa bukan beban kepada negara. Desa adalah kekuatan untuk negara kembali bangkit… dan jika desa lemah, daya tahan negara turut rapuh. Tetapi jika desa kuat, Malaysia akan lebih kukuh menghadapi apa jua cabaran.

6. Bayangkan kalau keperluan asas masih terganggu, anak desa hilang peluang pekerjaan, usahawan sukar berniaga, dan keresahan ini perlahan-lahan merebak ke media sosial hingga mencetuskan persepsi ketidaktentuan dan ketidakstabilan. *We don't want that.* Sebab itu KKDW tidak boleh lambat. Kita mesti mencari penyelesaian lebih awal, sebelum rakyat semakin jauh daripada kita.

DARIPADA KEMENTERIAN PELAKSANA KEPADA KEMENTERIAN PENCIPTA HASIL

Hadirin sekalian,

7. Maka, perkara **PERTAMA** yang mesti kita ubah ialah cara kita melihat kejayaan. KKDW tidak boleh lagi mengukur kejayaan hanya melalui jumlah program yang dilaksanakan, jumlah projek yang diluluskan atau jumlah peruntukan yang dibelanjakan. Semua itu penting… tetapi bagi saya ia belum cukup. **Kejayaan sebenar ialah apabila rakyat merasai perubahan dalam kehidupan mereka.**

8. Dalam Belanjawan 2026, KKDW diberikan amanah yang besar. Peruntukan sebanyak RM12.4 bilion bukan sekadar angka dalam dokumen belanjawan. Ia adalah mandat rakyat kepada kita. Ia adalah kepercayaan Kerajaan kepada Kementerian ini untuk memastikan pembangunan desa terus bergerak, prasarana asas diperkukuh dan jurang kehidupan antara bandar dan desa dapat dirapatkan.

9. Sebab itu, saya mahu setiap ringgit yang dibelanjakan mesti diterjemahkan kepada hasil yang jelas.

   Jalan luar bandar mesti ditafsir bukan sekadar jalan. Ia akses kepada sekolah, klinik, pekerjaan dan pasaran.

Bekalan air bukan sekadar paip dan tangki. Ia soal kesihatan, kebersihan dan maruah kehidupan.

Elektrik dan internet bukan lagi kemudahan tambahan. Ia asas kepada pendidikan, perniagaan dan peluang masa depan.

10. Maka apabila kita melaksanakan projek, jangan hanya bertanya sama ada projek itu dah siap atau belum. Tanya juga, *apa yang berubah selepas projek itu siap? Adakah perjalanan rakyat menjadi lebih mudah? Adakah kos mereka berkurang? Adakah anak-anak lebih selamat ke sekolah? Adakah usahawan desa lebih mudah memasarkan produk? dan adakah keluarga di kampung hidup dengan lebih bermaruah?*

11. **Inilah budaya kerja yang saya mahu dalam KKDW.** Bukan budaya "projek telah dilaksanakan", tetapi budaya "masalah rakyat telah diselesaikan." Bukan budaya bertindak selepas isu menjadi viral, tetapi budaya menyelesaikan permasalahan rakyat dari awal.

12. Justeru, saya mahu selepas ini KKDW bergerak dengan disiplin baharu. Lebih pantas membuat keputusan. Lebih berani menyelesaikan *bottleneck*. Lebih dekat dengan lapangan. Lebih jujur menilai kelemahan.

13. Yang berjaya kita perlu besarkan. Yang perlahan kita percepatkan. Yang tidak memberi hasil, kita perbaiki atau kita hentikan. Kerana masa rakyat tidak boleh dibazirkan dengan program yang hanya cantik dalam laporan tetapi lemah dalam kehidupan sebenar.

MEMPERTAHANKAN PENDAPATAN DAN EKONOMI RAKYAT DESA

Hadirin sekalian,

14. Perkara **KEDUA** yang mesti kita pertahankan ialah pendapatan rakyat desa. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu ini, pastinya majoriti 8.1 juta rakyat di perdesaan akan menerima kesan. Sebab itu, peningkatan kos ini tidak boleh dilihat secara terpisah.

15. Sebagai contoh.. apabila kos benih getah meningkat daripada RM2.74 kepada RM2.90, ia mungkin kelihatan kecil dalam nilai. Tetapi kepada pekebun kecil, setiap kenaikan kos input akan memberi kesan kepada margin pendapatan mereka. Apabila kos baja meningkat antara 40 hingga 50 peratus ia akan memberi tekanan langsung

kepada hasil, produktiviti dan pendapatan keluarga desa.

16. FELCRA juga saya tahu berdepan tekanan yang sama. Kos operasi ladang semakin meningkat daripada pembajaan, pengangkutan buah tandan segar, hinggalah kepada penggunaan jentera dan penyelenggaraan. Semua ini memberi isyarat jelas bahawa ekonomi desa tidak boleh dibiarkan bergerak sendirian dalam pasaran yang semakin mencabar.

17. Dalam keadaan seperti ini, penyelarasan bantuan sangat penting. Subsidi masih ada tempatnya. Tetapi kita tidak boleh berhenti pada bantuan subsidi semata-mata. Kalau kita hanya memberi bantuan tanpa membetulkan struktur pasaran, rakyat desa akan terus bergantung kepadanya, walhal tekanan kos akan terus datang kadang tanpa kita sedarinya.

18. Sebab itu, saya mahu pendekatan kita mesti berubah daripada sekadar **membantu kepada membina sistem**. Daripada subsidi kepada ekosistem. Daripada program kepada pasaran. Golongan ini tidak hanya perlukan bantuan, mereka perlukan pasaran yang adil, rantaian yang lebih pendek, harga yang lebih telus dan pembeli yang boleh memberi keyakinan.

19. Inilah makna sebenar pembangunan ekonomi desa. Bukan hanya mengagihkan bantuan, tetapi membina keupayaan. Bukan hanya melahirkan peserta program, tetapi melahirkan pengusaha yang mampu mencipta pasaran.

EKONOMI DESA NASIONAL: DESA SEBAGAI PUSAT NILAI BAHARU

Hadirin sekalian,

20. Dalam masa yang sama, kita tidak boleh hanya mempertahankan pendapatan sedia ada. Kita mesti berani merebut potensi baharu yang ada dalam ekosistem desa. Inilah asas kepada gagasan **Ekonomi Desa Nasional** - satu pendekatan menyeluruh untuk mengangkat desa daripada kawasan sokongan kepada enjin pertumbuhan baharu negara.

21. **Ekonomi Desa Nasional** mesti menjadi cara fikir baharu KKDW. Fokusnya bukan jumlah program atau jumlah peruntukan, tetapi peningkatan pendapatan, peluasan peluang ekonomi dan peningkatan

kualiti kehidupan masyarakat luar bandar.

22. Sebab itu, apabila kita melihat desa, jangan hanya melihat masalah. Lihat juga kekuatannya. Desa mempunyai tanah, ladang, komoditi, biojisim, usahawan mikro, belia, wanita, komuniti Orang Asli, koperasi dan jaringan sosial yang kuat. Jika semua ini disusun dalam satu ekosistem yang kemas, desa boleh menjadi sumber pertumbuhan baharu negara.

23. Pembentangan mengenai potensi biodiesel negara baru-baru ini adalah contoh jelas. Biodiesel berasaskan sawit bukan sekadar agenda tenaga. Ia peluang untuk menghubungkan kekuatan komoditi negara dengan masa depan ekonomi desa. FELCRA, KETENGAH dan KESEDAR perlu melihat potensi ini dengan serius.

24. Dalam kerangka yang sama, agensi-agensi KKDW mesti melihat aset dan sumber desa dengan lebih strategik. Tanah yang belum dioptimumkan, ladang yang boleh ditingkatkan hasilnya, produk desa yang boleh dinaikkan standardnya, pusat latihan yang boleh melahirkan tenaga mahir, serta jaringan usahawan yang boleh disusun semula - semuanya mempunyai nilai jika diurus dengan disiplin ekonomi yang tuntas.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

25. Melalui langkah-langkah ini, kita mesti berpegang kepada satu prinsip kerja yang mudah tetapi besar maknanya — **Amanah, Zahir, Hasil**. Amanah bukan sekadar niat, tetapi tanggungjawab yang dipikul. Zahir bukan sekadar gerak kerja, tetapi keberanian menunaikan janji di lapangan. Hasil bukan sekadar laporan, tetapi perubahan yang benar-benar dirasai oleh rakyat.

26. Sebab itu, saya mahu **KKDW menjadi pemacu utama Ekonomi Desa Nasional.** KSU baharu bersama seluruh kepimpinan kementerian, agensi, GLC, GLIC, sektor swasta, koperasi, pemain industri dan komuniti mesti bergerak dalam satu gerakan besar. Potensi desa tidak boleh terbiar. Aset tidak boleh tidur. Peluang tidak boleh bocor. Dan rakyat tidak boleh terus menunggu.

27. Insya-Allah, saya yakin, jika desa hidup, negara akan makmur. Jika desa kuat, Malaysia akan lebih berdaya tahan. Maka marilah kita

bekerja dengan jiwa, bertindak dengan amanah, dan membuktikan bahawa KKDW bukan sekadar kementerian yang mengurus desa — tetapi Kementerian yang mengangkat desa sebagai kekuatan masa depan negara.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.